

SOALAN NO: 152

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI

SOALAN:

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk menaik taraf prasana Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan dengan menambah keluasan tanah dan bangunan kelas yang tidak mencukupi pada masa ini.

PR-1331-T67342

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan yang ditubuhkan pada tahun 1984 mempunyai kapasiti latihan 600 orang pelatih. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah telah membuat permohonan dibawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi cadangan pemuliharaan dan naik taraf ILP Labuan melibatkan kemudahan

fizikal sedia ada dan peralatan dengan meningkatkan kapasiti latihan kepada lebih kurang 800 orang termasuk kemudahan asrama dan bengkel..

2. KSM melalui Jabatan Tenaga Manusia dalam proses transformasi kursus-kursus yang dijalankan di semua Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) dimana, kursus-kursus yang kurang mendapat sambutan di ILP Labuan akan dipindahkan ke ILJTM lain, manakala kursus-kursus yang mendapat permintaan yang tinggi dari pihak industri akan ditambah kapasiti.